



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 30 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang **050201 dan 050202** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
1.	[FTA(CPTPP)] Tender Pembekalan Potassium Dihydrogen Phosphate Injection Sebanyak 1,420,000 Ampul/Vial Di Fasiliti - Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: <a href="https://www.moh.gov.my">https://www.moh.gov.my</a> dan MyProcurement) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] <b>No. Tender : QT24000000032295</b>	198/2024	1.Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut:  (i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan;	Secara ePerolehan
2.	[FTA(CPTPP)] Tender Pembekalan Polyethylene Glycol/Macrogol 4000 Powder Sebanyak 960,000 Sachet Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: <a href="https://www.moh.gov.my">https://www.moh.gov.my</a> dan MyProcurement) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] <b>No. Tender : QT24000000032324</b>	199/2024	(ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak sehingga 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;	
3.	[FTA(CPTPP)] Tender Pembekalan Zuclopenthixol Decanoate 200mg/ml Injection Sebanyak 490,000 Vial/Ampul Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: <a href="https://www.moh.gov.my">https://www.moh.gov.my</a> dan MyProcurement) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] <b>No. Tender : QT24000000032221</b>	200/2024		

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
4.	[FTA(CPTPP)] Tender Pembekalan Agomelatine 25mg Tablet Sebanyak 4,200,000 Tablet Di Fasiliti - Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: <a href="https://www.moh.gov.my">https://www.moh.gov.my</a> dan MyProcurement) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] <b>No. Tender : QT24000000032298</b>	201/2024	(iii) Harga yang ditawarkan pembida adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga ( <i>Margin Of Preference</i> – MOP); dan	
5.	[FTA(CPTPP)] Tender Pembekalan Magnesium Trisilicate Mixture Sebanyak 7,500,000 Botol Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: <a href="https://www.moh.gov.my">https://www.moh.gov.my</a> dan MyProcurement) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] <b>No. Tender : QT24000000032220</b>	202/2024	(iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan)	
6.	[FTA (CPTPP)] Tender Pembekalan Fenofibrate 145mg Tablet/Kapsul Sebanyak 50,099,700 Tablet/Kapsul Di Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Pool Procurement) (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: <a href="https://www.moh.gov.my">https://www.moh.gov.my</a> dan MyProcurement) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] <b>No. Tender : QT24000000032213</b>	203/2024		
7.	[FTA (CPTPP)] Tender Pembekalan Tranexamic Acid 250mg Capsule Sebanyak 47,550,000 Kapsul Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: <a href="https://www.moh.gov.my">https://www.moh.gov.my</a> dan MyProcurement) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] <b>No. Tender : QT24000000032214</b>	204/2024		
* PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG <u>TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN</u>				

**Telecenter:**

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **30 Disember 2024 (Isnin)** dengan melayari [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my).

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **18 Februari 2025 (Selasa), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

**Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia**